

MEMPERKUKUHKAN KAPISITI KELESTARIAN PERNIAGAAN BERSKALA KECIL DI SABAH: KEPERLUAN CAMPUR TANGAN KERAJAAN

Ag Bakar Ag Tatama¹, Ahmad Bin Suman²

1: abaat@sabah.uitm.edu.my

2: ahmadsum@sabah.uitm.edu.my

ABSTRAK

Tujuan kertas ini adalah menyampaikan saranan mengenai keperluan di pihak Kerajaan Negeri Sabah supaya campur tangan bagi memperkukuhkan kapisiti kelestarian perniagaan berskala kecil di Sabah. Perniagaan berskala kecil merujuk kepada usaha perniagaan yang mana jualan tahunannya di antara RM200,000 dan tidak melebihi RM1 juta atau mempunyai pekerja yang kurang daripada 5 orang. Adalah merupakan strategi yang diketahui umum di negara-negara membangun untuk menggalakkan elemen keusahawanan di kalangan penduduknya dalam usaha memerangi kemiskinan. Di Sabah strategi tersebut dilaksanakan sebaik-baiknya mengakibatkan lahirnya banyak perniagaan berskala kecil. Isu yang sering kali dihadapi oleh pihak berkuasa Negeri, bagaimanapun, ialah kelestarian perniagaan tersebut. Kertas memperolehi bahannya berdasarkan fakta dan dapatan satu Kajian yang berkaitan dengan penyertaan usahawan bumiputera dalam perniagaan berskala kecil di Sabah. Kajian tersebut bertajuk: *Kajian Penyertaan Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Ekonomi di Sabah*. Kajian ini dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sabah yang mana penulis merupakan anggota dalam kumpulan penyelidik. Kertas ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama berkaitan dengan jenis dan bidang perniagaan yang dipilih; saiz modal permulaan dan modal terkumpul; dan, pembiayaan dan sumber pembiayaan. Bahagian kedua tertumpu kepada masalah yang dihadapi oleh para usahawan tersebut. Adalah wajar disebutkan bahawa terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh para usahawan berkenaan: bermula dari kemudahan infrastruktur asas seperti jalan raya, bekalan elektrik, premis perniagaan dan lain-lain seumpamanya kepada yang lebih rumit seperti pembiayaan, pemasaran, bekalan bahan mentah, latihan dan lain-lain seumpamanya. Bahagian terakhir akan melihat kemungkinan campur tangan kerajaan. Ia akan dimulakan dengan perbincangan berhubung dengan keperluan bagi campur tangan kerajaan. Ini akan diikuti dengan huraian mengenai strategi campur tangan. Adalah menjadi harapan kertas ini bahawa bahan-bahan yang dikemukakan boleh dipertimbangkan secara serius oleh pihak berkuasa awam terutama sekali yang berkaitan dengan dasar penggalakan keusahawanan dan pembasmian kemiskinan.

Kata kunci: campur tangan, kapisiti kelestarian, keusahawanan, perniagaan berskala kecil, pihak berkuasa awam, strategi campur tangan.

LATAR BELAKANG

Tujuan utama kertas ini ialah untuk menyampaikan saranan mengenai keperluan pihak berkuasa awam, khususnya, Kerajaan Negeri Sabah untuk merangka suatu dasar intervensi bagi memperkukuhkan kapisiti kelestarian perniagaan berskala kecil yang diceburi oleh kaum bumiputera di Sabah. Perniagaan kecil merujuk kepada aktiviti perniagaan dalam industri tempatan yang membekalkan produk atau menyediakan perkhidmatan kepada pengguna-pengguna di kawasan sekitarnya.

Walaupun tidak terdapat suatu takrifan yang khusus mengenai perniagaan kecil, umumnya ia merujuk kepada satu aktiviti perniagaan yang mana nilai jualan tahunan di antara RM200,000 dan tidak melebihi RM1 juta atau mempunyai pekerja kurang daripada 5 orang. Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan dalam tahun 2005 telah memberikan takrifan perusahaan kecil dan sederhana berdasarkan dua kriteria iaitu bilangan pekerja dan nilai jualan tahunan bagi tiga sektor iaitu pertanian, pengilangan dan perkhidmatan (Aman Shah, S.H. dan Mohd Ali, A.R., 2011). Bilangan pekerja adalah di antara 5 – 19 orang (pertanian dan perkhidmatan); dan, 5 – 50 orang (pengilangan). Sementara nilai jualan tahunan ialah di antara RM200,000 dan kurang daripada RM1 juta (pertanian dan perkhidmatan); dan, di antara RM250,000 dan kurang daripada RM10 juta (pengilangan).

Perniagaan kecil merupakan strategi yang digunakan oleh banyak pihak di negara-negara sedang membangun untuk menggalakkan elemen keusahawanan di kalangan penduduknya bagi memerangi kemiskinan serta membangunkan ekonomi setempat. Di Sabah, strategi pembangunan ini dilaksanakan dengan giat dan telah menghasilkan sebilangan besar peniaga kecil kaum bumiputera. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri selalu berhadapan dengan dua isu utama. Pertama, ketiadaan pangkalan data yang menunjukkan statistik peniaga bumiputera tersebut dari segi bilangan, lokasi, modal, kemudahan dan sistem sokongan perniagaan dan lain-lain yang berkaitan. Kedua, soal kelestarian perusahaan mereka; bak kata pepatah, “Bagai cendawan tumbuh subur selepas hujan”. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya satu Kajian yang bertajuk “Kajian Penyertaan Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Ekonomi di Sabah” dijalankan.

Terma rujukan Kajian yang berkaitan dengan kertas ini ialah Kajian dan analisis terhadap tahap pencapaian kaum bumiputera dalam beberapa sektor ekonomi berdasarkan jenis perniagaan, pemilikan lesen, pemilikan saham, pemilikan premis perniagaan, penglibatan dalam sektor pembuatan, pelancongan dan perkhidmatan, pekerjaan profesional, teknologi maklumat dan komunikasi dan sebagainya yang berkaitan.

Lokasi Kajian ialah di seluruh Negeri Sabah yang melibatkan 2,761 orang responden. Sepuluh Daerah yang mana respondennya melebihi 100 orang ialah Kota Kinabalu (373); Kota Belud (202); Tawau (196); Papar (189); Sandakan (184); Ranau (151); Kudat (135); Keningau (133); Semporna (1130); Beaufort (112); dan, Tuaran (103).

Daerah yang mempunyai responden kurang daripada 20 orang ialah Sook (15); Telupid (13); Nabawan (10); Matunggong (6); Membakut (6); dan, Kemabong (2).

Dari segi jantina pula responden yang terlibat terdiri daripada 1,151 lelaki dan 1,610 perempuan.

Kutipan data dan kerja lapangan telah dijalankan dalam tahun 2003-04, diikuti oleh pemprosesan data dan analisis serta penyediaan laporan. Laporan Kajian telah disiapkan dalam bulan Mac 2005 dan seterusnya diserahkan kepada Kerajaan Negeri.

Kaedah utama yang digunakan ialah soal selidik yang dikendalikan oleh 20 orang penyelidik dan dibantu oleh 30 orang pembantu penyelidik.

BAHAGIAN PERTAMA: PENIAGA BUMIPUTERA SEKADAR DI PINGGIRAN

Bidang, Bentuk dan Pemilikan Premis Perniagaan

Bahagian ini akan melihat beberapa aspek luaran perniagaan seperti bidang, bentuk dan pemilikan premis perniagaan yang boleh menjadi indikator mengenai sifat dan kelestariannya.

Kajian mendapati bidang perniagaan yang menyaksikan penglibatan aktif peniaga kecil bumiputera ialah peruncitan (1,151 atau 41.6%), diikuti oleh perkhidmatan (751 atau 27.2%), restoran/gerai (465 atau 16.8%) dan kontrak/bekalan (143 atau 5.1%). Sementara itu, dari segi bentuk, perseorangan (2,431 atau 88%); perkongsian (262 atau 9.5%); dan, sendirian berhad (68 atau 2.5%). Seterusnya dari aspek pemilikan premis, seramai 1,532 (55%) peniaga menyewa berbanding dengan 1,229 (44.5%) peniaga memiliki sendiri premis perniagaan mereka.

Dapatan Kajian ini menunjukkan bahawa penglibatan peniaga kaum bumiputera sangat ketara dalam bidang peruncitan. Secara umumnya bidang peruncitan mudah untuk dikendalikan dan tidak memerlukan modal yang banyak jika dibandingkan dengan bidang-bidang perniagaan yang lain. Bidang perniagaan yang lebih penting seperti pengilangan (pembuatan makanan dan bukan makanan) (tidak ada responden yang terlibat), stesen minyak (16 atau 0.6%), perladangan (7 atau 0.3%), penternakan komersil (3 atau 0.1%) dan perlombongan (hanya seorang responden) tidak disertai oleh ramai peniaga atau langsung tidak ada penyertaan.

Dapatan Kajian ini mencadangkan bahawa peniaga bumiputera memghadapi masalah modal dan kemahiran perniagaan yang bersesuaian dengan perniagaan yang memerlukan modal yang besar atau kemahiran pengendalian yang tertentu. Secara umumnya tindakan penyelesaiannya ialah dengan menyediakan kemudahan pinjaman dan latihan yang bersesuaian. Bagaimanapun, dapatan Kajian tidaklah semudah itu.

Dari aspek bentuk perniagaan pula, Kajian ini mendapati suatu peratusan yang tinggi bagi perniagaan berbentuk persendirian. Keadaan ini disebabkan oleh faktor-faktor yang berikut:

- a) Kurang pengetahuan mengenai prosedur penubuhan syarikat berdaftar
- b) Tidak menyedari kelebihan perniagaan berbentuk syarikat berdaftar
- c) Keinginan memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dahulu sebelum menceburi perniagaan berskala sederhana atau besar

Berdasarkan kepada maklumat di atas, Kajian ini mencadangkan bahawa terdapat masalah sikap dan pengetahuan di kalangan peniaga bumiputera. Sekiranya tidak terdapat sebarang tindakan afirmatif yang bersesuaian dari pihak berkuasa yang berkenaan, maka akan wujudlah sindrom memencil diri di mana perniagaan berbentuk milik perseorangan akan berterusan. Implikasinya ialah keusahawanan bumiputera akan menghadapi masalah kesinambungan operasi apabila pemilik perniagaan asal menghentikan perniagaan atau operasi perniagaan terhenti disebabkan faktor usia dan kematian.

Akhirnya dari aspek pemilikan premis perniagaan, Kajian ini mendapati masih ramai lagi peniaga bumiputera yang menyewa premis perniagaan iaitu peratusannya dalam lingkungan 45%. Keadaan ini sudah tentulah akan menyebabkan peniaga-peniaga tersebut menanggung perbelanjaan operasi yang tinggi.

Modal Permulaan, Modal Terkumpul, Pembiayaan dan Sumber Pembiayaan

Bahagian ini melihat kekuatan dalaman peniaga-peniaga bumiputera dari segi jumlah modal permulaan, modal terkumpul, pembiayaan dan sumber pembiayaan.

Kajian mendapati sebahagian besar peniaga bumiputera di Sabah semasa Kajian dilakukan mempunyai modal permulaan yang kurang daripada RM10,000 (1,895 atau 68.6%); di antara RM10,000 dan RM20,000 (332 atau 12%); dan, di antara RM20,001 dan RM30,000 (179 atau 6.5%). Ini bermakna hampir keseluruhan responden mempunyai modal permulaan maksimum RM30,000 sahaja berbanding dengan mereka yang mempunyai modal permulaan di antara RM100,001 dan RM900,000 iaitu 59 orang responden atau 2.1%. Peniaga yang mempunyai modal sekurang-kurangnya RM1 juta sangat tidak signifikan iaitu 10 orang responden atau 0.4%.

Sementara itu bagi modal terkumpul perangkaan agak berbeza sedikit di mana bilangan peniaga yang mempunyai modal terkumpul sekurang-kurangnya RM10,000 berkurangan (1,445 atau 52.3%); dan yang mempunyai sekurang-kurangnya RM1 juta meningkat kepada 22 atau 0.8%. Dapatan Kajian ini mengesahkan fakta bahawa peniaga-peniaga kecil bumiputera mempunyai masalah modal permulaan, dan kemajuan perniagaan yang agak perlahan.

Dari aspek hubungan di antara modal perniagaan dan bidang perniagaan, Kajian ini mendapati bahawa semakin tinggi nilai modal perniagaan yang diperlukan semakin kurang peniaga yang terlibat. Misalannya, dalam bidang kontrak/bekalan yang memerlukan modal permulaan sekurang-kurangnya RM1.5 juta, terdapat 143 orang responden (5.2%) sahaja yang terlibat; dalam bidang pemborong/agen yang memerlukan modal permulaan RM1 juta, hanya ada 72 orang responden (2.6%) sahaja yang terlibat; dan, stesen minyak yang memerlukan modal permulaan sebanyak RM300,000, hanya ada 16 orang (0.6%) sahaja yang terlibat.

Beralih kepada aspek pembiayaan, Kajian mendapati seramai 2,438 orang responden (88.3%) memperolehi pembiayaan yang kurang daripada RM100,000. Berbanding dengan mereka yang memperolehi pembiayaan sekurang-kurangnya RM100,000, bilangannya ialah 15 (0.5%); dan, yang memperolehi pembiayaan mencecah RM1 juta ialah 3 (0.1%) sahaja.

Dari sumber pembiayaan, Kajian mendapati pembiaya yang paling besar sekali ialah Bank Simpanan Nasional (118 atau 4.3%); diikuti oleh Maybank (34 atau 1.2%) dan Bank Bumiputra Commerce (32 atau 1.1%). Mereka yang tidak memperolehi sebarang pembiayaan dari institusi kewangan ialah 2,443 orang responden (87.2%).

Jika dibandingkan di antara perangkaan pembiayaan dan sumber pembiaya, secara kasar terdapat percanggahan. Bagaimanapun, dapatan Kajian ini mencadangkan, peniaga-peniaga yang memperolehi pinjaman kurang daripada RM10,000 itu memperolehi pembiayaan dari sumber-sumber lain selain daripada bank atau yang memperolehi pembiayaan dari agensi kerajaan seperti antaranya Kementerian Pembangunan dan Koperasi (163 atau 5.9%); MARA (146 atau 5.3%); Amanah Ikhtiar Malaysia (79 atau 2.8%); dan, Yayasan Usaha Maju (34 atau 1.2%).

Analisis: Pembiayaan dan Bidang Perniagaan

Kajian mendapati bahawa bidang perniagaan yang paling banyak mendapat pembiayaan dari segi peratusan peniaga yang terlibat dalam bidang perniagaan itu ialah stesen minyak (9/16 atau 56.3%); dan yang paling kurang ialah pembuatan bukan makanan (8/49 atau 14%). Sementara itu bagi bidang peruncitan, mereka yang mendapat pembiayaan ialah 354 orang (30.8%) berbanding yang tidak memperolehi pembiayaan iaitu 797 orang (69.2%).

Seterusnya, Kajian juga mendapati kecenderungan yang sama berlaku bagi bidang-bidang lain yang memperolehi pembiayaan seperti, antaranya, perladangan (2/7 atau 28.5%); jualan langsung (4/25 atau 16%); dan, kontrak/bekalan (41/143 atau 28.6%). Terdapat seorang peniaga bumiputera yang terlibat dalam bidang perlombongan yang langsung tidak memperolehi sebarang pembiayaan.

Jika diteliti perangkaan di atas, penulis mencadangkan bahawa terdapat bidang perniagaan yang tertentu yang memperolehi pembiayaan yang agak mudah; dan ada pula yang tidak menarik perhatian pembiaya, khususnya institusi kewangan seperti bank walaupun bidang perniagaan tersebut dianggap kritikal seperti bidang pengilangan dan pemprosesan makanan dan bukan makanan.

BAHAGIAN DUA: KEMELUT PENIAGA KECIL BUMIPUTERA

Kemelut dan Cabaran

Dalam bahagian ini, penulis akan melihat kemelut dan cabaran yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil bumiputera di Sabah dari segi masalah-masalah utama yang mereka hadapi. Di samping itu, kertas ini juga akan menyerot pandangan yang disuarakan oleh peniaga-peniaga berkenaan berhubung dengan cadangan penyelesaiannya. Dalam konteks ini, Kajian mendapati terdapat enam masalah utama seperti berikut:

- a) Masalah kewangan
- b) Masalah pengurusan dan operasi
- c) Masalah berkenaan tender/projek/lessen
- d) Masalah berkenaan dengan infrastruktur dan logistik
- e) Masalah berkenaan pemasaran
- f) Masalah berkenaan pekerja dan bekalan

Bagi masalah kewangan, secara keseluruhan seramai 1,240 orang (44.91%) menyatakan mereka menghadapi masalah. Daripada respon yang diterima, didapati 796 (28.8%) menyatakan masalah kekurangan modal; sukar mengurus modal pusingan (205 atau 7.4%); sukar mendapat pinjaman (167 atau 6%); kos overhead tinggi (69 atau 2.5%); dan, tidak mampu membayar balik pinjaman (2 atau 0.1%).

Bagi pengurusan dan operasi, secara keseluruhan terdapat 325 orang responden (11.8%) menyatakan mereka bermasalah. Paling ketara sekali ialah masalah pelanggan lambat bayar hutang (146 atau 5.3%); dan, kurang keuntungan kerana hutang lapuk (56 atau 2%).

Bagi masalah berkenaan tender/projek/lessen, secara keseluruhan seramai 130 orang responden (4.7%) yang menyatakan mereka bermasalah. Rungutan peniaga berligar di sekitar susah mendapat tender kerajaan (30 atau 1%); kakitangan kerajaan tidak profesional (24 atau 0.9%); dan, kurang pemantauan peniaga tidak berlesen (18 atau 0.7%).

Bagi masalah berkenaan dengan infrastruktur dan logistik, secara keseluruhan terdapat seramai 369 orang responden (13.3%) yang menyatakan mereka bermasalah. Terdapat empat rungutan yang utama iaitu lokasi perniagaan tidak strategik (112 atau 4%); bekalan air/elektrik tidak memuaskan (101 atau 3.6%); dan premis perniagaan sempit atau kurang memuaskan (85 atau 3%).

Bagi masalah berkenaan pemasaran, terdapat 1,168 orang responden (42.3%) yang menyatakan mereka bermasalah. Terdapat dua rungutan utama peniaga iaitu kurang pelanggan atau pasaran terhad (612 atau 22.1%); dan, kurang mahir menghadapi persaingan (514 atau 18.6%).

Akhirnya, bagi masalah berkenaan pekerja dan bekalan, seramai 410 orang responden (14.8%) yang menyatakan mereka bermasalah. Rungutan peniaga adalah pelbagai antaranya ialah kurang pekerja (86 atau 3.1%); harga bekalan tidak stabil (69 atau 2.5%); bekalan stok kurang atau sukar diperolehi (85 atau 3%); sukar mendapat pekerja yang sesuai (49 atau 1.7%); kadar pekerja berhenti tinggi (52 atau 1.8%); dan, kurang pekerja mahir (41 atau 1.4%).

ANALISIS

Dapatan Kajian mencadangkan terdapat empat masalah utama yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil bumiputera di Sabah pada masa Kajian iaitu:

- a) Masalah kewangan (1,240 atau 44.9%)
- b) Masalah pemasaran ((1,168 atau 42.3%)
- c) Masalah pekerja dan bekalan (410 atau 14.8%)
- d) Masalah pengurusan dan operasi (325 atau 11.8%)

Masalah kekurangan modal di kalangan peniaga kecil bumiputera di Sabah sangat ketara, dan ini membawa implikasi terhadap kemampuan peniaga-peniaga berkenaan untuk menampung kos operasi perniagaan. Dapatan Kajian ini mencadangkan masalah ini adalah merupakan antara faktor utama yang boleh menjejaskan kapisiti kelestarian peniaga-peniaga berkenaan. Dari sudut lain pula, peniaga-peniaga itu juga dibebani dengan kemelut pemasaran atau pasaran yang terhad. Perkara ini ada kaitannya dengan lokasi perniagaan yang tidak strategic, kemudahan infrastruktur, khususnya air dan elektrik, yang tidak memuaskan.

CADANGAN PENYELESAIAN DARIPADA PENIAGA

Kajian ini merekodkan sebanyak empat belas cadangan penyelesaian yang dikemukakan oleh para responden berkenaan. Cadangan yang signifikan adalah seperti berikut:

- a) Sediakan kemudahan pinjaman (969 atau 35.1%)
- b) Kurangkan syarat pinjaman (369 atau 13.3%)
- c) Anjurkan kursus keusahawanan untuk bumiputera (201 atau 7.2%)
- d) Bantu majukan perniagaan (143 atau 5.1%)
- e) Bina premis perniagaan baru (101 atau 3.6%)

Jika diteliti cadangan-cadangan di atas, dua cadangan utama berkaitan dengan kewangan dan pembiayaan. Para peniaga berpendapat jika mereka diberikan kemudahan pinjaman atau syarat pinjaman dikurangkan, masalah kekurangan modal di kalangan mereka boleh diatasi. Peniaga-peniaga tersebut memerlukan modal untuk memulakan perniagaan, membesarkan premis mereka dan mempelbagaikan produk.

Seterusnya, peniaga-peniaga berkenaan mencadangkan agar kursus keusahawanan boleh dianjurkan di kawasan setempat untuk membolehkan mereka menghadiri kursus seperti itu. Mereka berpendapat jika mereka didedahkan dengan teknik perniagaan yang baru atau dimaklumkan mengenai perniagaan terkini, nescaya mereka akan mengambil peluang sedemikian.

Akhirnya, dua cadangan terakhir mereka berligar di sekitar perlunya bantuan kerajaan dari segi mewujudkan persekitaran premis perniagaan yang kondusif dan kompetitif. Terdapat di daerah yang tertentu premis perniagaan yang agak lapuk dan using serta tidak mencukupi.

BAHAGIAN TIGA: KEPERLUAN TERHADAP CAMPUR TANGAN PIHAK BERKUASA AWAM

Keperluan Terhadap Pelan Bertindak Bersepadu

Telah termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) bahawa kerajaan telah mengamanahkan beberapa agensi bagi membantu bumiputera dalam perusahaan dan perniagaan. Di peringkat Negeri Sabah, dasar ini telah diterjemahkan dalam bentuk kewujudan suatu kementerian yang dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Perindustrian, dan juga penubuhan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO). Di bawah perbadanan ini pula telah ditubuhkan SEDCOVEST iaitu satu entiti yang dipertanggungjawabkan bagi menjalankan aktiviti promosi keusahawanan serta menganjurkan latihan yang bersesuaian untuk peniaga-peniaga kecil bumiputera. Bagi masked pembiayaan, Kerajaan Sabah telah menubuhkan Perbadanan Pinjaman Sabah.

Bagaimanapun, dapatan Kajian mencadangkan peniaga-peniaga kecil bumiputera di Sabah (khususnya yang menjadi responden kepada Kajian ini) masih lagi menghadapi dua masalah utama iaitu kewangan dan pemasaran. Jika sekiranya tidak terdapat langkah afirmatif dan pembaikan diambil oleh pihak berkuasa berkenaan, dikhuatiri prospek keusahawanan di kalangan peniaga-peniaga kecil bumiputera, dari segi kelangsungan, akan terancam.

Dapatan Kajian ini mendedahkan kelemahan skem pembiayaan perniagaan, terutama sekali pembiayaan di pihak institusi kewangan seperti bank komersil. Dengan pembiayaan dari agensi-agensi kerajaan yang terhad dari segi jumlah dan bilangannya, pihak berkuasa awam yang dipertanggungjawab hendaklah merangka suatu pelan bertindak bersepadu.

STRATEGI PENGUKUHAN YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN

Pihak Kerajaan Negeri Sabah hendaklah komited untuk mengadakan pelan strategik dan pendekatan baru bagi menguruskan pembangunan peniaga-peniaga kecil bumiputera secara menyeluruh.

Sehubungan dengan itu, Kajian ini telah mengemukakan strategi dan pendekatan yang berikut yang boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri Sabah:

- a) Pemusatan semua aktiviti pembangunan keusahawanan
- b) Pelan sokongan terhadap bidang pembuatan
- c) Latihan pengurusan dan asas keusahawanan
- d) Program latihan teknikal
- e) Bantuan memiliki premis perniagaan sendiri
- f) Bantuan kewangan bagi industri kritikal
- g) Program pemantapan kualiti urus tadbir yang baik di kalangan peniaga
- h) Mewujudkan pangkalan data di peringkat negeri dan daerah
- i) Mewujudkan 'one-stop centre'
- j) Mewujudkan portal keusahawanan yang interaktif

ANALISIS

Kajian ini telah melakarkan sepuluh strategi yang boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri Sabah dalam usaha memperkukuhkan kapasiti kelestarian peniaga-peniaga kecil bumiputera. Bagi strategi yang telahpun atau sedang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri, Kajian ini mencadangkan supaya ia dimantapkan dari segi pelaksanaannya di mana kaedah dan aktiviti penyampaian perlu diulangkaji supaya kumpulan sasar boleh mendapat faedah yang optimum. Strategi lain yang turut dilakarkan telah mengambilkira perkembangan dan kemajuan teknologi maklumat pada masa kini dalam erti kata memantapkan perolehan dan saluran maklumat terkini mengenai teknik dan peluang perniagaan dari pihak berkuasa awam kepada kumpulan sasar serta sebaliknya. Berikut adalah analisis penulis terhadap beberapa strategi pengukuhan yang terpilih.

Strategi pertama yang disarankan ialah penubuhan satu jawatankuasa pemandu yang dikenali sebagai Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Usahawan yang akan dipengerusikan oleh seorang Timbalan Ketua Menteri (bumiputera) atau Menteri Pembangunan Perindustrian. Jawatankuasa pemandu ini hendaklah diberikan kuasa untuk:

- i) Menggubal dan melaksanakan dasar mengenai MPPB di Sabah
- ii) Memantau pelaksanaan pelan tindakan dan garis panduan mengenai pembangunan usahawan bumiputera di Sabah
- iii) Membuat keputusan mengenai semua perkara yang berkaitan dengan penyertaan dan pembangunan usahawan bumiputera di Sabah

Bagi terma rujukan (b) di atas, Kajian ini mencadangkan agar ditubuhkan Unit Pembangunan dan Pemantauan Usahawan Bumiputera. Unit ini akan menjadi sekretariat kepada jawatankuasa pemandu berkenaan, dan dianggotai oleh, antaranya, semua wakil Dewan Perniagaan Bumiputera, Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Perindustrian, Institut Kajian Pembangunan, Unit Perancang Ekonomi, Perbadanan Pembangunan Ekonomi dan sebuah IPTA (dalam konteks Kajian ini mencadangkan UiTM).

Saranan ini sudah tentulah sesuatu yang drastik tetapi telah mengambilkira keperluan terhadap suatu pelan tindakan bersepadu yang nantinya akan melibatkan perancangan, pembangunan, pelaksanaan dan pemantauan secara menyeluruh dasar

pembangunan usahawan (termasuklah peniaga kecil) bumiputera bagi jangka masa panjang.

Bagi pelan sokongan terhadap bidang pembuatan, Kajian ini mencadangkan beberapa langkah campur tangan langsung dari pihak kerajaan bagi mewujudkan perniagaan induk (beroperasi atas dasar syarikat sendirian berhad milik penuh kerajaan). Tujuan syarikat induk ini ialah bagi membekalkan keperluan asas kepada peniaga-peniaga bumiputera yang terlibat dalam sektor pembuatan sama ada makanan atau bukan makanan. Contohnya, penutup botol untuk dibekalkan kepada pengusaha air minuman; plastik pembungkus berlabel bagi pengusaha makanan atau bukan makanan; dan, pengimport utama bahan mentah (kemudian dibekalkan kepada peniaga-peniaga kecil).

Saranan ini dikemukakan untuk meringankan beban kos bahan mentah yang tinggi yang terpaksa ditanggung oleh usahawan bumiputera. Antara rungutan yang mereka kemukakan ialah harga bahan mentah yang tinggi, manipulasi oleh pembekal (selalunya bukan bumiputera) serta kepayahan untuk mendapatkan bekalan yang berterusan. Sebagai contoh seorang pengusaha air minuman bumiputera terpaksa menutup perusahaannya kerana bekalan penutup botol yang tidak stabil. Perkara yang sama juga berlaku terhadap bahan pembungkusan berlabel; bahan pengawet, pewarna makanan dan perisa; pellet (untuk membuat pembungkus polyethylene dan polypropylene); serta, bahan pembungkusan berasaskan kertas, kaca, plastik dan lain-lain seumpamanya.

Berhubung dengan strategi (d), Kajian ini mencadangkan pewujudan biasiswa usahawan kepada usahawan bumiputera yang berpotensi untuk maju tetapi tidak berkemampuan dari segi pembiayaan latihan di luar Sabah. Biasiswa ini diwujudkan untuk membiayai latihan teknikal yang melibatkan bidang yang berpotensi tinggi untuk dimajukan di Sabah merangkumi:

- i) Bakeri
- ii) Pengendalian makanan (terutamanya makanan laut)
- iii) Pengurusan *chalet*
- iv) Salon kecantikan
- v) Kedai cenderamata dan yang berkaitan
- vi) Pengendalian tapak semeaian, percetakan dan penanaman bunga hiasan
- vii) Kedai ikan hiasan
- viii) Penjualan dan pembaikan computer

Pemberian biasiswa yang diamalkan sekarang (di mana kriteria pencapaian akademik diutamakan) hendaklah dipermudahkan. Pemberian biasiswa hendaklah menampung latihan teknikal (sekurang-kurangnya 3 bulan) di Semenanjung Malaysia atau di mana-mana Negara ASEAN seperti Indonesia dan Thailand (saranan penulis) dan latihan sambil bekerja di mana-mana perusahaan (sama ada dikendalikan oleh usahawan bumiputera atau bukan bumiputera). Dengan adanya pengetahuan dan kemahiran teknikal seperti ini akan membolehkan seorang peniaga bumiputera itu mempunyai kapasiti kelestarian yang lebih baik.

Perbincangan seterusnya ialah berkaitan dengan strategi pemantapan (f) iaitu bantuan kewangan bagi industri kritikal. Kajian ini mendapati terdapat tiga isu utama berkaitan dengan bantuan kewangan iaitu:

- i) Bantuan kewangan bagi industri yang memerlukan perhatian
- ii) Bantuan kewangan yang tidak sampai kepada kumpulan sasaran
- iii) Proses dan prosedur pinjaman yang membebankan

Kajian ini menyarankan agar industri kritikal (yang telah dikenalpasti oleh Kajian ini) seperti pelancongan; pertanian dan perikanan; pembuatan makanan dan bukan makanan; dan, industri berasaskan teknologi seperti teknologi dan komunikasi, serta kejuruteraan, hendaklah diberikan tumpuan dalam pemberian bantuan kewangan. Proses dan prosedur pembiayaan hendaklah diulangkaji dan disesuaikan dengan keperluan industri ini.

Berhubung dengan penyampaian pembiayaan kepada kumpulan sasar, Kajian ini mencadangkan proses dan prosedur pembiayaan sedia ada diteliti semula supaya menjadi lebih telus serta bebas daripada sebarang manipulasi dan penyalahgunaan. Begitu juga kerana birokrasi perlu dikurangkan (atau dihapuskan langsung), dan kecekapan agensi pelaksana hendaklah dipertingkatkan serta menggirangkan usahawan yang memerlukan bantuan kewangan.

Akhir sekali, kertas ini akan melihat strategi (h), (i) dan (j); Kajian ini mencadangkan agar pengurusan maklumat dari pihak berkuasa awam kepada usahawan dan sebaliknya hendaklah diperkukuhkan. Langkah pertama ialah pewujudan *One-Stop Centre* iaitu sebuah pusat (bangunan) yang secara fizikal terletak di tempat strategik dan mudah dilawat oleh mana-mana usahawan (termasuk orang awam). Selain daripada penyaluran maklumat, pusat serenti ini juga boleh berfungsi sebagai pusat interaksi bagi usahawan tersebut yang akhirnya boleh melahirkan *esprit de corp* di kalangan mereka.

Langkah kedua ialah mewujudkan sebuah laman portal *Portal Usahawan* yang interaktif yang perlu ditadbirkan dan dipantau secara sepenuh masa. Portal ini hendaklah diletakkan di bawah pengendalian Kementerian Pembangunan Perindustrian Sabah. Dengan adanya portal ini, penyaluran maklumat boleh dilakukan dengan lebih berkesan secara dua hala mengenai teknik perniagaan terkini, promosi produk atau perkhidmatan serta peluang perniagaan terbaru. Portal ini juga diharapkan boleh memantapkan keberkesanan *One-Stop Centre*.

PENUTUP

Kajian ini mengiktiraf bahawa isu kapasiti kelestarian peniaga kecil kaum bumiputera di Sabah adalah satu isu yang tidak boleh dipandang ringan oleh pihak berkuasa awam sama ada Negeri atau Persekutuan. Pelan pengukuhan jangka panjang bersepadu telah menjadi satu keperluan, dan bukan lagi sekadar pilihan atau satu jalan lain. Pembangunan ekonomi kaum bumiputera secara keseluruhan memerlukan campur tangan kerajaan secara afirmatif bagi mewujudkan kemakmuran bersama serta pengagihan sumber kekayaan negara dengan telus, adil dan saksama.

Hakikat bahawa keadaan peniaga kecil bumiputera di Sabah pada hari ini tidak jauh berbeza dengan kedudukan mereka semasa Kajian ini dilaksanakan, menjadi faktor pendorong kepada penyediaan kertas ini. Hakikat ini juga mencadangkan bahawa dapatan, analisis dan cadangan yang dikemukakan oleh Kajian ini kepada Kerajaan Negeri (walaupun telah berlalu kira-kira 7 tahun) masih lagi relevan. Adalah diharapkan pembentangan kertas ini berkemampuan menghidupkan percambahan fikiran positif yang akhirnya mewujudkan suatu strategi pengukuhan kapasiti kelestarian peniaga kecil bumiputera di Sabah, khususnya, dan di seluruh negara, amnya. Ia juga diharapkan dapat menyuntik semangat baru kepada Kerajaan Negeri meneruskan perancangan dan pembangunan elemen keusahawanan di kalangan peniaga-peniaga kecil bumiputera (terutama sekali) di Sabah.

SUMBER RUJUKAN

Aman Shah, S.H. dan Mohd Ali, A.R. (2011). *Entrepreneurship (2nd ed)*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Kumpulan Penyelidik UiTM Cawangan Sabah. (2005). *Laporan kajian penyertaan usahawan bumiputera dalam bidang ekonomi di Sabah*. UiTMCS: Kota Kinabalu.